



**PERSEKUTUAN ORANG PEKAK MALAYSIA
(MALAYSIAN FEDERATION OF THE DEAF) 715**

Penang

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Sultan Selangor Darul Ehsan
Pengecualian Cukai: LHDN 01/35/42.51/179-4968



Penasihat :

Tan Sri Shahrir Abdul Samad

YBhg Datuk Shamsiah Abdul Rahman

Ahli Gabungan:

Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur

Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang

Persatuan Orang Pekak Kedah Darul Aman

Persatuan Orang Pekak Melaka

Persatuan Orang Pekak Johor

Persatuan Orang Pekak Perlis

Persatuan Orang Pekak Terengganu

Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu

Persatuan Orang Pekak Kelantan

Persatuan Orang Pekak Pahang

Persatuan Ibubapa dan Penjaga Anak Pekak Kuala Lumpur

Persatuan Bagi Orang Pekak Sabah

Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan

Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia

Bergabung dengan:

World Federation of the Deaf

Gabungan Persatuan Orang Cacat Malaysia

Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia

Majlis Pemulihan Malaysia

No Rujukan
Tarikh

MFD/INOVATIF/0009-12
04/10/2012

Prof.Tan Sri Dato' Wira Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM, Bangi Selangor,
Malaysia.

Prof,

**JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN REKACIPTA ALATAN INOVATIF
UNTUK ORANG PEKAK 2012**

Perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacitanya dimaklumkan bahawa bersempena Sambutan Ulang Tahun MFD ke 15, Persekutuan Orang Pekak Malaysia dengan ini akan menganjurkan Pertandingan Rekacipta Alatan Inovatif Untuk Orang Pekak 2012 pada :-

**Tarikh : 07 Disember 2012 (Jumaat)
Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang
Tempat : Akan dimaklumkan kemudian.**

Sehubungan dengan itu, pihak pengajur ingin menjemput IPTA/IPTS, Politeknik dan individu yang berminat untuk menyertai pertandingan ini. Penyertaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Tarikh tutup penyertaan pertandingan adalah pada **21 November 2012**.

Di sertakan syarat dan peraturan berserta borang pertandingan untuk tindakan pihak tuan/puan.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi saya di talian **03 80709308 / 8930**.

Adalah di harapkan agar dengan kehadiran serta penyertaan tuan/puan dapat memeriahkan dan memartabatkan penciptaan inovasi negara.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

Yang benar,

[Handwritten signature of Mohamad Sazali Bin Shaari]

MOHAMAD SAZALI BIN SHAARI
Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia

TERIMA
15 OCT 2012

Pejabat
Naib Canselor
UKM

[Handwritten signatures and initials over the stamp]



Bahasa Isyarat Malaysia



**PERTANDINGAN REKACIPTA ALATAN INOVATIF
UNTUK ORANG PEKAK 2012**

TEMA:

**PENGINTEGRASIAN ORANG PEKAK KE DALAM
MASYARAKAT**

KANDUNGAN

PENGENALAN

OBJEKTIF

KONSEP

PERATURAN PERTANDINGAN

PERSEMBAHAN

PENILAIAN DAN PERMARKAHAN

HADIAH DAN PENGHARGAAN

TATACARA PERMOHONAN

PENGENALAN

Sehingga kini seramai 43 0000 orang pekak telah berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Pertandingan Rekacipta Alatan Inovasi untuk Orang Pekak diadakan bersempena dengan sambutan 15 tahun Persekutuan Orang Pekak Malaysia.

Secara umumnya orang pekak tidak boleh mendengar dan mereka bergantung sepenuhnya kepada deria penglihatan sebagai telinga untuk mendengar bagi mendapatkan informasi terkini. Mereka ini amat memerlukan teknologi dimana ia dapat membantu mereka untuk menjalani kehidupan sehari-hari. Pertandingan ini adalah salah satu usaha bagi menggalakkan penyertaan masyarakat amnya untuk turut sama membantu orang pekak melalui teknologi rekacipta alatan inovatif.

Selain daripada itu, pertandingan ini juga bertujuan untuk:

- a. Melahirkan generasi yang berfikiran kreatif dan inovatif.
- b. Memperkenalkan sistem dan penciptaan baru yang dapat membantu dalam pembangunan orang pekak melalui pendekatan kreativiti dan inovasi.
- c. Memupuk semangat kerjasama serta mengeratkan hubungan diantara orang pekak.

OBJEKTIF

Objektif pertandingan ini adalah

- a. Untuk menggalakkan penciptaan inovatif dalam menghasilkan inovasi bagi pembangunan orang pekak dan di integrasikan ke dalam masyarakat.
- b. Dapat memupuk dan menarik minat masyarakat sekeliling ke arah penciptaan kreatif dan inovatif untuk keperluan orang pekak.
- c. Melahirkan pakar inovatif bertaraf dunia.

KONSEP

Pertandingan Rekacipta Alatan Inovatif untuk Orang Pekak berkonsepkan bebas dan mengikut kreativiti para peserta.

PERATURAN PERTANDINGAN

1. Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia samaada secara kumpulan atau individu.
2. Individu atau kumpulan yang mengambil bahagian haruslah menyiapkan projek sebelum pertandingan di jalankan.
3. Individu atau kumpulan yang menyertai pertandingan haruslah mengemukakan pencalonan kepada urus setia melalui borang penyertaan yang dilampirkan. Bagi peserta individu **Borang Penyertaan adalah di Lampiran A** manakala peserta berkumpulan di **Lampiran B**
4. Bilangan maksima bagi ahli-ahli berkumpulan adalah **5 orang termasuk ketua kumpulan**.
5. Urus setia berhak menolak mana-mana individu atau kumpulan yang tidak layak berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Keputusan pemilihan individu atau kumpulan-kumpulan untuk menyertai pertandingan adalah **muktamad**.
6. Keputusan panel penilai yang di lantik terhadap penilaian projek individu atau kumpulan adalah **muktamad**.
7. Semua bahan projek yang diterima akan menjadi hak milik Persekutuan Orang Pekak Malaysia.

PERSEMBAHAN

1. Semua peserta individu atau kumpulan dikehendaki bersedia lima minit lebih awal dari masa yang telah ditetapkan.
2. Masa lima minit akan diberikan untuk peserta individu atau kumpulan memasang peralatan.
3. Semua peserta individu atau kumpulan di berikan lima belas minit untuk menjelaskan projek masing-masing.
4. Loceng permulaan akan di bunyikan apabila kumpulan memulakan persembahan. Loceng amaran pula akan di bunyikan sekali apabila masa berbaki tiga minit. Loceng penamat akan dibunyikan dua kali sebaik sahaja tempoh masa lima belas minit telah tamat.

PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

- 1 Persembahan peserta individu atau setiap kumpulan yang menyertai pertandingan akan dinilai berdasarkan lapan kriteria seperti berikut:
 - i. Pengenalan
 - ii. Pemilihan Projek
 - iii. Penjelasan Projek
 - iv. Analisa Projek
 - v. Cadangan Penyelesaian
 - vi. Pencapaian Hasil Projek
 - vii. Penilaian Kumpulan/Individu
 - viii. Persembahan Kumpulan
2. Sessi soal jawab oleh Panel Penilai yang dilantik adalah selama sepuluh minit.

HADIAH DAN PENGHARGAAN

1. Pemenang akan menerima:
 - a. Pertama : Wang Tunai, Piala dan Sijil.
 - b. Kedua : Wang Tunai dan Sijil.
 - c. Ketiga : Wang Tunai dan Sijil


TATACARA PERMOHONAN

1. Melengkapkan borang permohonan menyertai Pertandingan Inovasi seperti Lampiran A.
2. Fax atau kemukakan Borang Permohonan sebelum **12 November 2012** kepada:-

Persekutuan Orang Pekak Malaysia
3A-12 Menara KLH
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong,
Selangor.
No. Tel: 03 80709308 / 80800705
Fax : 03 80761090

3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **12 November 2012**.

LAMPIRAN A



**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN REKACIPTA ALATAN INOVATIF
UNTUK ORANG PEKAK 2012**

Nama Peserta	Alamat	Jantina	No. KP	No Tel dan Email


Tajuk Projek Inovasi:

.....
.....

Penerangan Ringkas Projek:

.....
.....
.....
.....

LAMPIRAN B



**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN REKACIPTA ALATAN INOVATIF
UNTUK ORANG PEKAK 2012**

Nama Kumpulan:

Nama Ahli Kumpulan	Alamat	Jantina	No. KP	No Tel dan Email

Tajuk Projek Inovasi:

.....
.....

Penerangan Ringkas Projek:

.....
.....
.....